

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD  
FAKEH ( SABAK BERNAM )**

**TARIKH : 4 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 90**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan mengapakah dividen 2018 peserta FELCRA menurun kepada RM112 juta sahaja berbanding dividen 2017 RM307 juta.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah bayaran lebihan keuntungan (yang lebih dikenali sebagai dividen dalam konteks FELCRA), bagi tahun 2018 adalah RM112.53 juta dan bagi tahun 2017 pula adalah RM340.98 juta, iaitu pengurangan sebanyak RM228.45 juta atau 67%.
2. Pengagihan lebihan keuntungan (juga disebut sebagai dividen dalam konteks FELCRA) adalah dilaksanakan kepada projek-projek yang berhasil dan mempunyai lebihan keuntungan. Lebihan keuntungan ini merupakan lebihan pendapatan bersih yang diperolehi oleh sesebuah projek (ladang) setelah pendapatan kasar projek ditolak kos operasi.
3. Faktor utama yang banyak mempengaruhi penurunan jumlah lebihan keuntungan ini adalah disebabkan oleh kejatuhan ketara purata harga komoditi kelapa sawit, iaitu daripada RM549 per metrik tan pada tahun 2017 kepada RM399 per metrik tan pada tahun 2018, penurunan sebanyak RM150 per metrik tan atau 27%.
4. Begitu juga dengan purata harga minyak sawit mentah (CPO) di pasaran dunia yang turut memperlihatkan kejatuhan daripada RM2,800 per metrik tan pada tahun 2017 kepada hanya RM2,237 per metrik tan pada tahun 2018, iaitu penurunan sebanyak RM563 per metrik tan atau sebanyak 20%.
5. Faktor lain yang turut menyumbang kepada penurunan jumlah lebihan keuntungan ini adalah program tanam semula. Apabila berlaku program tanam semula, sesebuah projek itu akan kehilangan keseluruhan hasilnya sehingga tahun keempat. Projek akan mengeluarkan hasil bermula tahun kelima.

6. Justeru itu, untuk melihat kesan tanam semula ke atas pengurangan pendapatan ladang bagi tahun 2018, maka perlulah dilihat rekod tanam semula yang bermula pada tahun 2014 hingga 2017. Pada tahun 2014, seluas 16,735 hektar sawit telah ditanam semula, 2015 seluas 12,372 hektar, 2016 seluas 8,270 hektar, 2017 seluas 5,803 hektar yang menjadikan jumlah keseluruhan seluas 43,180 hektar.

7. Selain itu, usia pokok juga boleh dikaitkan sebagai faktor penyumbang kepada penurunan jumlah lebihan keuntungan. Secara agronomiknya, pokok kelapa sawit mengalami produktiviti yang rendah iaitu sekitar 12 hingga 13 metrik tan per hektar, pada usia kurang dari 6 tahun iaitu masih di dalam tempoh pra-hasil dan juga apabila usianya melebihi 25 tahun, berbanding 19 hingga 25 metrik tan per hektar bagi usia puncak di antara 7 hingga 15 tahun.

8. Bagi tahun 2017, seluas 30,385 hektar dari ladang-ladang FELCRA termasuk dalam kategori umur pokok sawit yang kurang produktif dengan purata produktiviti 13.5 metrik tan per hektar, manakala bagi tahun 2018 seluas 33,462 hektar dengan purata produktiviti hanya 12.08 metrik tan per hektar.

Sekian, terima kasih.